TAJUK : **AMALAN KESELAMATAN, KESIHATAN DAN KEBERSIHAN**

Tujuan : Mengenalpasti tentang amalan dan garis panduan pelaksanaan kebersihan, kesihatan dan keselamatan dalam penyediaan dan pengendalian hidangan puding.

PENGENALAN KEPADA PANDUAN KESELAMATAN, KESIHATAN DAN AMALAN KEBERSIHAN

Rajah 3.1.1 Sijil atau akta berkaitan keselamatan, kesihatan dan kebersihan di Malaysia

Terdapat beberapa garis panduan yang telah ditetapkan dalam penyediaan makanan iaitu,

1. OSHA

i. Occupational Safety and Health Act (OSHA) adalah **Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994** yang bertanggungjawab terhadap **kesihatan dan keselamatan pekerja ketika bekerja** di dalam sesebuah syarikat.

ii. Akta ini dikawalselia oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), **Kementerian Sumber Manusia.**

iii. Falsafah dan prinsip akta adalah tanggungjawab memastikan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja terletak di atas mereka yang bekerja (pekerja) dengan bahaya tersebut dan mereka yang mewujudkan bahaya tersebut (majikan).

iv. Ia melibatkan peraturan kendiri (self-regulation), perundingan (consultation) dan kerjasama (cooperation).

v. Terdapat beberapa organisasi OSHA di dalam Malaysia,

   a. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, JKKP
   b. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan, CIDB
   c. Pertubuhan Keselamatan Sosial, PERKESO
   d. Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara, NIOSH

vi. Tujuan akta adalah untuk :

   a. Memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang-orang yang sedang bekerja.
   b. Melindungi orang-orang di tempat kerja (selain daripada orang-orang yang sedang bekerja).
   c. Menggalakkan suatu persekitaran pekerjaan yang bersesuaian dengan fisiologi dan psikologi orang-orang yang sedang bekerja.
   d. Mengadakan suatu sistem perundangan yang berasaskan kepada peraturan-peraturan dan tata amalan industri disamping peruntukan akta.

vii. Kewajipan am pekerja,

   a. Memberi perhatian munasabah terhadap keselamatan dan kesihatan dirinya dan orang lain semasa menjalankan aktiviti-aktivitinya
   b. Memberi kerjasama sama ada kepada majikan atau orang lain dalam hal berkaitan dengan pematuhan terhadap AKKP 1994
   c. Memakai peralatan perlindungan diri yang dibekalkan oleh majikan
   d. Mematuhi mana-mana arahan keselamatan dan kesihatan seperti yang dikehendaki di bawah AKKP 1994 dan peraturan-peraturannya

2. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)

i. Undang-undang yang berkaitan dengan pencegahan, penghapusan, kawalan pencemaran dan membaiki alam sekitar dengan mematuhi piawaian kerajaan.

ii. Akta ini adalah untuk mengawal selia pencegahan, penghapusan, pengawalan pencemaran serta melindungi dan membaiki kualiti alam sekeliling.

iii. Ditadbir oleh Jabatan Alam Sekitar, **Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar**.